

MANDELA - PM

I

KUALA LUMPUR, 2 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERJANJI AKAN MENYUMBANGKAN BANTUAN YANG PERLU KEPADA KONGRES KEBANGSAAN AFRIKA (ANC).

BUTIR-BUTIR BANTUAN ITU AKAN DITENTUKAN OLEH KABINET KEMUDIAN, KATANYA KEPADA PEMIMPIN KULIT HITAM AFRIKA NELSON MANDELA, YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN ANC PADA PERTEMUAN SELAMA KIRA-KIRA SATU JAM DI PEJABAT PERDANA MENTERI DI SINI.

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR, DATUK ABDUL MAJID MOHAMED KETIKA MEMBERI TAKLIMAT KEPADA PARA WARTAWAN MENGENAI PERTEMUAN ITU BERKATA PERDANA MENTERI TELAH BERJANJI UNTUK BERBINCANG DENGAN JEMAAH MENTERI MENGENAI AMAUN DAN BENTUK BANTUAN DAN SALURAN UNTUK MEMBERI SUMBANGAN ITU.

DATUK ABDUL MAJID BERKATA ENCIK MANDELA ADA MENYEBUT SEJUMLAH AMAUN BANTUAN KEWANGAN YANG BELIAU JANGKAKAN DARI MALAYSIA TETAPI DR MAHATHIR MEMBERI JAMINAN KEPADANYA BAHAWA IANYA PERLU DIBINCANGKAN TERLEBIH DAHULU OLEH JEMAAH MENTERI.

MALAYSIA JUGA MENAWARKAN BANTUAN KEPAKARAN DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU SEPERTI PERUMAHAN, KEMUDAHAN TEKNIKAL DAN LATIHAN. -- LAGI
1324MST 02 11 90

R B300 AAB

MANDELA - PM 2 KUALA LUMPUR

DATUK ABDUL MAJID BERKATA SUNGGUHPUN PROGRAM BANTUAN TEKNIKAL HANYA DITAWARKAN MELALUI KERJASAMA ANTARA KERAJAAN DAN KERAJAAN, DAN TIDAK PERNAH DISALURKAN KEPADA PERTUBUHAN POLITIK, TETAPI KERAJAAN BOLEH MENGEQUALIKANNYA.

KATANYA, SEMASA PERTEMUAN ITU, ENCIK MANDELA TELAH MENERANGKAN KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR MENGENAI KEADAAN DI AFRIKA SELATAN DAN MEMINTA MALAYSIA MEMBANTU ANGGOTA-ANGGOTA ANC YANG TELAH PULANG KE TANAHAIR DARI BUANGAN DALAM MENYEDIAKAN KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL DAN SEBAGAINYA.

KEPERLUAN PERUMAHAN, PENDIDIKAN DAN PELUANG PEKERJAAN YANG MENDESAK PERLU DISEDIAKAN KEPADA MEREKA.

ENCIK MANDELA JUGA BERKATA ANC SEDANG MENGAMBIL DAYA USAHA UNTUK MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN KERAJAAN AFRIKA SELATAN UNTUK Mencari PENYELESAIAN POLITIK DI NEGARA ITU.

MENURUT DATUK ABDUL MAJID, ENCIK MANDELA TELAH MEMBERITAHU DATUK SERI DR MAHATHIR BAHAWA BELIAU SANGAT KESAL DENGAN KEKACAUAN YANG BERLAKU DI AFRIKA SELATAN DAN MENAFIKAN BAHAWA IANYA ADA KAITAN DENGAN PERSENGKETAAN ANTARA PUAK DI KALANGAN MASYARAKAT KULIT HITAM.

BELIAU BERKATA KEKACAUAN ITU MELETUS AKIBAT TINDAKAN PASUKAN KESELAMATAN AFRIKA SELATAN SENDIRI YANG MENYEBABKAN KEBIMBANGAN WUJUD DI KALANGAN RAKYAT, BAGAIMANAPUN PIHAK BERKUASA CUBA MENGGAMBARAKAN YANG IANYA DISEBABKAN OLEH PERGADUHAN ANTARA PUAK-PUAK KULIT HITAM.-- LAGI
1347MST 02 11 90

R B301 AAB

MANDELA - PM 3 KUALA LUMPUR

DATUK ABDUL MAJID BERKATA ENCIK MANDELA MENYIFATKAN PASUKAN KESELAMATAN ITU SEBAGAI +PASUKAN PEMBUNUH YANG TIDAK DAPAT MEMBEZAKAN MANGSANYA+.

ENCIK MANDELA BERKATA ORANG KULIT PUTIH DALAM PASUKAN KESELAMATAN TIDAK MAHU MELIHAT ANC MENJADI KUAT DAN BERJAYA DALAM RUNDINGAN PERDAMAIAN TETAPI MALANGNYA KERAJAAN AFRIKA SELATAN TIDAK BEGITU BERSUNGGUH-SUNGGUH MENYEKAT KEKACAUAN.

DATUK ABDUL MAJID BERKATA PEMIMPIN KULIT HITAM ITU TELAH MEMBERITAHU PERDANA MENTERI BAHAWA SEKEMBALINYA KE AFRIKA SELATAN NANTI BELIAU AKAN MENGETUAI JAWATANKUASA KERJA ANC UNTUK MENGADAKAN PERJUMPAAN PERTAMA DENGAN JAWATANKUASA PARTI PEMBEBASAN INKATHA, YANG DIPIMPIN OLEH MANGOSUTHU BUTHELEZI, MENGENAI PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI DI NEGARA ITU. -- BERNAMA